

Modul

Penilaian Artikel Jurnal Linguistik

Zaitul Azma Zainon Hamzah
Harishon Radzi
Siti Noraini Hamzah

2025



Modul Penilaian Artikel Jurnal Linguistik

Penulis

Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ph.D

Harishon Radzi, Ph.D

Siti Noraini Hamzah, Ph.D



PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA

2025

Modul Penilaian Artikel Jurnal Linguistik

Diterbit dan dicetak oleh

PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
d/a Setiausaha Kehormat,
Aras 5, Wisma DBP,
Dewan Bahasa dan Pustaka,
50460 KUALA LUMPUR.

Cetakan Pertama 2025

©Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan atau mencetak ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi dan isi kandungan Modul Penilaian Artikel Jurnal Linguistik ini dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara jua pun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, gambar, rakaman atau cara lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Persatuan Linguistik Malaysia terlebih dahulu.

e ISBN 978-629-95575-0-0

Isi Kandungan

Bil	Kandungan	Muka surat
	Halaman Judul	i – v
1.	Modul Penilaian Artikel Jurnal Linguistik	1
	1.0 Pengenalan	1
	1.1 Objektif	1
	1.2 Konsep Penilaian Artikel	1
	1.3 Jenis Penilaian	2
	1.3.1. Penilaian Artikel Jurnal	2
	1.3.2 Penilaian Artikel Penyelidikan	2
2.	Proses Penghantaran dan Penilaian Artikel	3
3.	Format Penilaian Artikel	5
	3.1 Penilaian Format.	5
	3.2 Penilaian Kandungan Artikel	5
	3.2.1 Penilaian Tajuk	5
	3.2.2. Penilaian Abstrak	6
	3.3.3. Penilaian Pengenalan	6
	3.3.4. Penilaian Sorotan Literatur / Kosa Ilmu	6
	3.3.5. Penilaian Metodologi	6
	3.3.6. Penilaian Dapatan/Hasil kajian	7
	3.3.7 Penilaian Perbincangan	8
	3.3.8. Penilaian Kesimpulan	8
	3.3.9. Penilaian Senarai Rujukan	8
4.	Laporan Penilaian	10
	4.1 Borang Laporan Penilai / <i>Reviewer Report</i>	10
5	Penulisan Rujukan Mengikut <i>APA 7th Edition</i>	16
	5.0 Pengenalan <i>APA 7th Edition</i>	16
	5.1. Panduan Penulisan Rujukan Mengikut <i>APA 7th Edition</i>	16
	5.2. Buku bercetak atau ebook	16
	5.2.1 Buku dengan editor	18
	5.2.2 Buku: edisi selain edisi yang pertama	18
	5.3 Bab dalam Buku	19
	5.4 Artikel Jurnal	20
	5.4.1 Artikel jurnal dengan DOI/ Journal article with a DOI	20

5.4.2	Artikel jurnal tanpa DOI	20
5.5	Artikel Akhbar	21
5.5.1	Artikel akhbar dalam cetakan	21
5.5.2	Artikel akhbar dalam talian.	22
5.6	Artikel majalah	22
5.6.1	Artikel Majalah Daripada Pangkalan Data Perpustakaan atau Cetakan - Satu Pengarang	22
5.6.2	Artikel majalah dalam talian	23
5.7	Artikel Ensiklopedia atau Kamus	24
5.7.1.	Ensiklopedia atau Kamus dalam Cetakan	24
5.7.2.	Ensiklopedia atau Kamus dalam Talian	24
5.8	Laman Web	25
5.8.1	Halaman atau bahagian daripada Laman Web	25
5.8.2.	Keseluruhan Laman Web	26
5.8.3	Laporan & Dokumen daripada laman web	26
5.9	Catatan Blog	27
5.10	Media Audiovisual	28
5.10.1	Video dalam Talian (YouTube, TED)	28
5.10.2	Twitter & Instagram	28
5.10.3	Podcast	29
5.10.4	Episod Podcast	29
5.11	Jadual dan Rajah	30
5.11.1	Jadual	30
5.11.2	Rajah	31
5.12.	Menulis Petikan dalam Teks	31
5.12.1	Dua cara menulis petikan dalam teks	32
5.13.	Pengarang	33
5.14.	Nombor muka surat atau halaman	34
5.15.	Lebih daripada Satu Sumber	34
5.16.	Memetik karya yang dipetik dalam sumber lain	35
6	Kesimpulan	37
7	Latihan	38
8	Bibliografi	39
9	Lampiran	41

Prakata

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya jua, Modul Penilaian Artikel Jurnal Linguistik ini dapat dihasilkan.

Modul ini menawarkan panduan penilaian artikel Jurnal Linguistik (JL) khususnya kepada para penilai untuk menilai artikel Jurnal Linguistik (JL) pada tahap yang lebih mendalam dan profesional bermula dengan tajuk, objektif, sorotan literatur atau kosa ilmu, metodologi, dapatan kajian dan perbincangan serta kesimpulan. Di samping itu, modul ini juga memberikan panduan kepada para penilai cara menulis ulasan yang mantap dan berkesan yang boleh menyumbang kepada keseluruhan artikel dari segi kekukuhan saintifik, kebaruan, kualiti, dan kesesuaian artikel itu untuk JL

Kami sebagai penulis Modul Penilaian Artikel Jurnal Linguistik ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Prof. Dr. Nor Hashimah Jalaludin, Presiden PLM dan Ahli Majlis PLM (2023-2025) yang telah memberikan kerjasama sehingga terbitnya Modul Penilaian Artikel Jurnal Linguistik ini dengan jayanya.

Sekian.

Zaitul Azma Zainon Hamzah, Ph.D

Harishon Radzi, Ph.D

Siti Noraini Hamzah, Ph.D

Modul Penilaian Artikel Jurnal Linguistik

1.0 Pengenalan

Modul Penilaian Artikel Jurnal Linguistik ini bertujuan menerangkan panduan penilaian artikel Jurnal Linguistik (JL) kepada penulis dan penilai artikel JL. Selain itu, modul ini membolehkan kita berkongsi pandangan tentang pemformatan penulisan dan penilaian artikel JL. Melalui modul PAJL ini, kami akan membimbing anda langkah demi langkah membuat penilaian artikel JL bermula dengan tajuk, objektif, sorotan literatur atau kosa ilmu, metodologi, dapatan kajian dan kesimpulan serta cara menulis ulasan yang mantap dan berkesan.

1.1 Objektif

1. Menilai artikel Jurnal Linguistik dari aspek tajuk, objektif, sorotan literatur atau kosa ilmu, metodologi, dapatan kajian dan kesimpulan,
2. Menulis ulasan dan kritikan yang bernas dan berkesan aspek tajuk, objektif, sorotan literatur atau kosa ilmu, metodologi, dapatan kajian dan kesimpulan serta kepentingan penemuan.

1.2 Konsep Penilaian Artikel

Penilaian artikel adalah analisis dan ulasan yang bernas terhadap suatu artikel yang melampaui permukaan tajuk. Ia merupakan latihan intelektual yang mencabar kerana anda akan melibatkan diri secara mendalam dengan idea penulis atau pengarangnya. Sebagai penilai, anda akan mempersoalkan tajuk, objektif, sorotan literatur atau kosa ilmu, metodologi, dapatan kajian dan kesimpulan serta kepentingan penemuan mereka itu. Dengan perkataan lain, menilai artikel boleh diumpamakan sebagai satu perjalanan melalui landskap pemikiran orang lain. Perjalanan ini bukan sahaja melibatkan kandungan yang penulis bincangkan, tetapi juga tajuk yang mereka pilih, kosa ilmu, metodologi, dapatan kajian mereka, dan implikasi penemuan mereka terhadap bidang ilmu. Justeru kemungkinan akan wujud lencongan (*bias*) yang mungkin mereka terlepas pandang sepanjang perjalanan melalui landskap pemikiran penulis itu.

Penilaian yang berkesan adalah mempertimbangkan idea penulis atau pengarang, termasuk nilai perspektif mereka, cara mereka mencabar andaian, dan

potensi untuk menemui sudut pandangan alternatif berdasarkan aspek intelektual yang mereka terokai.

Sebaik sahaja anda memahami cara menilai artikel, rangsang pemikiran anda dengan soalan berikut:

- i. Apakah andaian yang mendasari/menyokong penghujahan dan perbincangan penulis/pengarang?
- ii. Adakah terdapat perspektif alternatif yang boleh meningkatkan/memperkayakan perbincangan?
- iii. Bagaimanakah metodologi penulis/pengarang mempengaruhi penemuan kajian dan kesimpulan mereka, dan adakah terdapat potensi berat sebelah untuk dipertimbangkan?
- iv. Bagaimanakah tajuk menyumbang kepada kejelasan dan keselarasan hujah penulis/pengarang?
- v. Bagaimanakah tajuk mempengaruhi persepsi pembaca terhadap karya penulis/pengarang?

1.3 Jenis Penilaian

Dalam modul ini dibincangkan penilaian 2 jenis artikel ilmiah, iaitu

1.3.1 Penilaian Artikel Jurnal

Penilaian artikel jurnal melibatkan penilaian kritis dan menganalisis karya ilmiah yang diterbitkan dalam jurnal akademik. Ia memerlukan pemahaman yang menyeluruh tentang tujuan penyelidikan, metodologi, keputusan, dan kesimpulan penulis. Penilai juga perlu menilai sumbangan artikel jurnal kepada bidang ilmu, kerangka konsep dan teorinya, dan kesahihan kaedah penyelidikan yang digunakan. Matlamatnya adalah untuk menyediakan ringkasan dan kritikan yang komprehensif yang dapat menyerlahkan kekuatan dan batasan karya ilmiah tersebut.

1.3.2 Penilaian Artikel Penyelidikan

Penilaian artikel penyelidikan memberi tumpuan kepada penilaian kertas penyelidikan saintifik atau akademik. Penilaian jenis ini melibatkan pemeriksaan soalan kajian, reka bentuk eksperimen, kaedah pengumpulan data, analisis statistik, dan persembahan hasil penemuan. Sebagai contoh, penyelidikan tentang “Menilai Tahap Perkembangan Sintaksis dan Morfologi dalam kalangan Kanak-kanak” yang merangkumi semua perkara di atas. Pengulas menilai kebolehpercayaan dan kesahihan penyelidikan, mempertimbangkan implikasi kajian dan menawarkan pandangan tentang potensi kesannya terhadap komuniti akademik yang lebih luas.

2. Peringkat Proses Penghantaran dan Penilaian Artikel

Setiap artikel yang ingin dihantar kepada pihak editor JL perlu melalui 9 proses. Setiap artikel yang dihantar itu juga haruslah artikel yang belum diterbitkan sebelum ini atau artikel yang masih dalam proses penilaian oleh jurnal lain untuk diterbitkan.

Sewaktu menyerahkan artikel, penulis/pengarang perlu melampirkan laporan Turnitin untuk semakan plagiarisme. Selepas semakan plagiarisme, artikel yang sesuai akan dinilai oleh ketua editor dari segi keaslian, kepentingan subjek dan keserasian dengan skop JL.

Berikut ialah sembilan peringkat proses penghantaran dan penilaian artikel JL yang ditetapkan:

- a. Penghantaran artikel adalah melalui laman OJS
<https://plm.org.my/ejurnal/index.php/jurnallinguistik/about/submissions>
- b. Penulis mengemukakan/mencadangkan 2 atau 3 nama calon penilai yang terlebih dahulu telah mendapat persetujuan.
- c. Barisan editor JL akan menyemak dan mengisi Senarai Semak Penyerahan Artikel untuk Jurnal Linguistik/*Article Submission Checklist for Jurnal Linguistik* sebagai tapisan awal.
- d. Editor akan memberi maklum balas kepada penulis jika artikel ditolak ekoran kegagalan penulis memenuhi syarat penulisan jurnal.
- e. Sekiranya tapisan awal lulus, maka editor JL akan menghubungi calon-calon penilai dan memberikan artikel untuk dinilai dan tempoh penilaian yang ditetapkan.
- f. Penilai membuat penilaian dan mengisi Borang Laporan Penilai/*Reviewer Report*.
- g. Ketua Editor JL menghubungi penulis untuk membuat pembetulan, penambahbaikan, pemurnian mengikut cadangan/ulasan penilai dalam tempoh yang diberikan.
- h. Ketua Editor akan mengedit dan memformatkan artikel yang telah dibuat pembetulan/penambahbaikan/pemurnian oleh penulis sebelum diserahkan artikel kepada barisan editor JL untuk membuat semakan akhir.

- i. Ketua Editor menyerahkan koleksi artikel kepada pihak pemantau JL (*webmaster*) untuk dimuat naik mengikut masa yang ditetapkan dan diterbitkan dalam keluaran Mei / November pada setiap tahun.

Rumusannya, keputusan penerbitan setiap artikel JL dibuat oleh Ketua Editor dan barisan editor JL selepas artikel itu melalui sembilan peringkat proses penghantaran dan penilaian artikel JL.

3. Format Penilaian Artikel

3.1 Penilaian format.

Proses penilaian dimulakan dengan memastikan penulis artikel mematuhi format dan Garis Panduan Penulisan Artikel Jurnal Linguistik seperti di bawah;

- a. Artikel ditulis menggunakan fon Times New Roman 12.
- b. Semua jadual dan rajah menggunakan fon Times New Roman 10.
- c. Artikel mempunyai jumlah perkataan, minimum antara 4500-6000 patah perkataan (**had bilangan perkataan termasuk tajuk, abstrak, jadual, rajah, dan senarai rujukan**).
- d. Rujukan menggunakan format *APA 7th Edition (2020)*
- e. Penulis ada merujuk sekurang-kurangnya 2 artikel Jurnal Linguistik yang lepas

Penilaian awal adalah membuat semakan berdasarkan soalan yang berikut:

- i. Adakah artikel ditulis menggunakan fon Times New Roman 12 yang disyorkan?
- ii. Adakah semua jadual dan rajah menggunakan fon Times New Roman 10?
- iii. Adakah jumlah perkataan, minimum antara 4500-6000 patah perkataan (had bilangan perkataan termasuk tajuk, abstrak, jadual, rajah, dan senarai rujukan) yang disyorkan untuk penulisan artikel dipatuhi oleh penulis?
- iv. Adakah format *APA 7th Edition (2020)* telah digunakan oleh penulis?
- v. Adakah penulis merujuk sekurang-kurangnya 2 artikel JL yang lepas?

3.2 Penilaian kandungan Artikel

3.2.1 Penilaian Tajuk

- a. Tajuk jelas, tepat dan khusus untuk memberitahu pembaca tentang kandungan artikel tersebut.
- b. Tajuk mempunyai frasa yang menarik, ringkas, tidak terlalu rumit dan panjang untuk menyampaikan maksud setiap artikel.

3.2.2. Penilaian Abstrak

- a. Abstrak ditulis dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Panjang abstrak adalah antara 200-250 patah perkataan.
- b. Kata kunci tidak boleh melebihi 5 perkataan.
- c. Abstrak perlu mengandungi pengenalan isu, permasalahan kajian, objektif, soalan **dan/atau** hipotesis kajian, metodologi kajian, analisis data, dapatan/penemuan utama dan kesimpulan.

3.3.3. Penilaian Pengenalan

- a. Pengenalan memberikan latar belakang kajian yang dijalankan dan maklumat mengenai permasalahan kajian yang akan ditangani oleh penulis.
- b. Penulis memberikan gambaran keseluruhan konsep atau teori yang berkaitan dengan penyelidikan yang telah dijalankan.

3.3.4. Penilaian Sorotan Literatur/Kosa Ilmu

- a. Penulis memberikan ulasan literatur / kosa ilmu yang berkaitan dengan permasalahan kajian dan persoalan kajian.
- b. Penulis memberikan ulasan literatur / kosa ilmu semasa yang berkaitan dengan penyelidikan yang telah dijalankan.

3.3.5. Penilaian Metodologi

- a. Penulis menjelaskan pendekatan kajian dan menyatakan jenis kajian secara eksplisit dalam bahagian kaedah.
- b. Terdapat tiga sub-bahagian asas dalam bahagian kaedah bagi artikel yang empirikal, iaitu peserta kajian, langkah kajian dan prosedur kajian.
- c. Penulis perlu menjelaskan siapa yang mengambil bahagian dalam kajian dan bagaimana data dikumpul.
- d. Dalam kajian kuantitatif, reka bentuk kajian diterangkan dalam bahagian kaedah manakala dalam kajian kualitatif, jenis kajian diterangkan.

3.3.6. Penilaian Dapatan/Hasil kajian

- a. Penulis menerangkan data yang dikumpul, cara data dianalisis. Struktur dan format bahagian keputusan berbeza mengikut pendekatan penyelidikan yang berbeza.

b. Huraian keputusan kaedah kualitatif

- i. bersifat deskriptif. Akan terdapat banyak petikan langsung untuk menyampaikan maklumat dalam kata-kata peserta sendiri.
- ii. jika statistik digunakan seperti jadual atau angka untuk mewakili keputusan, ia cenderung bersifat deskriptif bagi menunjukkan kekerapan keputusan tertentu yang diperhatikan dalam data.
- iii. penilai boleh mengenal pasti cara keputusan yang dilaporkan itu ada berkaitan dengan tujuan penyelidikan atau soalan yang diajukan oleh penulis kajian itu.

c. Huraian keputusan kaedah kuantitatif

- i. bersifat data berangka yang diringkaskan menggunakan pelbagai bentuk analisis statistik. Hasilnya dibentangkan dalam gabungan penerangan teks, jadual dan rajah.
- ii. laporan kajian kuantitatif akan menerangkan analisis statistik yang digunakan, dan harus menunjukkan rasional untuk memilih analisis tersebut, serta membincangkan sejauh mana data itu sesuai dengan analisis tersebut.
- iii. analisis yang melibatkan ujian hipotesis akan menunjukkan sokongan statistik untuk kesimpulan yang dibuat.

d. Huraian keputusan kaedah campuran

- i. hasil kajian mengintegrasikan pendekatan kualitatif dan kuantitatif.
- ii. keputusan kajian yang menggunakan kaedah bercampur sering dikemukakan soalan demi soalan.
- iii. penilai harus mempunyai pemahaman yang jelas tentang cara data dianalisis dan hasil analisis tersebut.

3.3.7 Penilaian Perbincangan

Perbincangan ini merangkumi elemen yang berikut:

- i. Ringkasan hasil utama.
- ii. Perbincangan setiap keputusan utama berkaitan dengan objektif kajian, soalan dan/atau hipotesis kajian.
- iii. Perbincangan tentang bagaimana hasil yang diperhatikan berkaitan dengan literatur sedia ada.
- iv. Perbincangan tentang hasil yang diperoleh itu saling mengesahkan atau bercanggah.
- v. Perbincangan hasil kajian itu adalah sumbangan baharu sepenuhnya, atau samar-samar dan tiada kesimpulan yang boleh dibuat.
- vi. Perbincangan tentang metodologi atau analisis dapat menepati hasil kajian .
- vii. Implikasi hasil kajian dapat memenuhi amalan dan penyelidikan masa depan.

3.3.8. Penilaian Kesimpulan

- a. Kesimpulan harus meringkaskan penemuan paling utama/penting.
- b. Kesimpulan penulis adalah secara eksklusif daripada bukti yang konkrit dan boleh disahkan.
- c. Kesimpulan yang berkesan membawa pembaca kembali kepada perkara utama, mengingatkan pembaca tentang tujuan artikel. Ringkaskan perkara penting menggunakan ayat topik, ayat sokongan dan ayat penutup.

3.3.9. Penilaian Senarai Rujukan

- a. Penilai menyemak senarai rujukan yang berkaitan dengan artikel.
- b. Penilaian sama ada senarai rujukan ada dirujuk dalam teks.

- c. Penilaian sama ada senarai rujukan ditulis mengikut format *APA 7th Edition* (2020) yang ditentukan.

4. Laporan Penilaian

Dalam Laporan Penilaian, penilai akan mengesyorkan sama ada menerima atau menolak artikel yang telah dinilai. Namun, perlu diingat bahawa salah satu matlamat anda sebagai penilai adalah untuk membantu pengarang/penulis memperbaiki artikel itu dan bukannya untuk membuat mereka berputus asa.

Sehubungan dengan itu, penilai diharapkan elakkan perkataan yang terlalu negatif atau komen bersifat peribadi, sebaiknya tunjukkan kekuatan utama artikel tersebut serta kelemahannya, dan cadangkan cara khusus untuk menyelesaikan masalah yang anda telah kenal pasti daripada artikel itu.

Selain itu, penilai juga diharapkan dapat elakkan membuat komen yang terlalu ringkas dan tidak sesuai kerana ia boleh menjejaskan profesionalisme laporan anda dan mewujudkan nada yang tidak disenangi. Penilai untuk JL adalah tanpa nama, oleh itu sebaiknya elakkan ulasan yang boleh menjadikan identiti anda jelas kepada pengarang/penulis.

Ketua editor akan menghantar arahan khusus dan Borang Laporan Penilai/*Reviewer Report* untuk diisi sebagai sebahagian daripada ulasan semakan, justeru anda harus menulis laporan anda dalam format yang diminta. Dalam bahagian ini, anda sebagai penilai akan memberikan cadangan anda untuk artikel yang dinilai bersama-sama dengan alasan anda dan sebaliknya.

Kriteria Penilaian JL adalah berkaitan dengan kekukuhan saintifik, kebaruan, kualiti, kepentingan dan kesesuaian artikel untuk JL. Pihak Editor akan mengambil banyak faktor dalam pertimbangan semasa untuk memutuskan sama ada artikel itu sesuai untuk jurnal mereka. Oleh itu, anda sebagai penilai diharapkan dapat memberikan bukti atau alasan yang sangat membantu kepada pengarang/penulis dan juga pihak Editor JL.

4.1 BORANG LAPORAN PENILAI / *REVIEWER REPORT*

Sila isi ruang di bawah ini dengan tajuk artikel
(*Fill up the below space with title of the article*)

TAJUK ARTIKEL/ *TITLE OF THE ARTICLE*: _____

LAPORAN PENILAIAN/ *EVALUATION REPORT*

Skor yang ditetapkan bagi setiap item adalah dari 1 hingga 10. Skor paling rendah ialah 1 dan yang paling tinggi ialah 10.

The score for each item ranged from 0 to 10. The lowest range is 0, while the highest is 10.

KRITERIA PENILAIAN/EVALUATION CRITERIA	SKORI/ SCORE
1. Kesignifikanan permasalahan kajian / <i>Significance of the research problem</i>	
2. Relevan tema dengan objektif / <i>Relevance of themes to objectives.</i>	
3. Kejelasan fokus tematik/ <i>Clarity of thematic focus</i>	
4. Hubungan kait kosa ilmu/ <i>Relationship to literature</i>	
5. Reka bentuk kajian dan data/ <i>Research design and data</i>	
6. Penggunaan teori / <i>Use of theory</i>	
7. Analisis dan penggunaan data/ <i>Data analysis and use of data</i>	
8. Kualiti kritis/ <i>Critical qualities</i>	
9. Kualiti penulisan / <i>Writing quality</i>	
10. Kesimpulan/ <i>Conclusions</i>	
Jumlah skor/ Total Score	

Bahagian A/ Part A: Cadangan/ Recommendation

Sila tandakan (✓) / Please tick (✓)

	Artikel ini disarankan untuk diterbitkan: 75 – 100% <i>This article is recommended to be published: 75 – 100%</i>
	Artikel ini diterima untuk diterbitkan dengan perubahan kecil: 60 - 74% <i>This article is recommended to be published with minor revisions: 60 - 74%</i>
	Artikel ini diterima untuk diterbitkan dengan perubahan besar: 40 - 59% <i>This article is recommended to be published with major revisions: 40 - 59%</i>
	Artikel ini disarankan untuk tidak diterbitkan: 0 - 39% <i>This article is not recommended to be published: 0 - 39%</i>

Bahagian B/ Part B: Bidang Akademik/Academic Fields

Sila tandakan (✓) / Please tick (✓)

	Artikel ini adalah dalam bidang kepakaran saya. <i>This article is within my area of specialisation.</i>
	Artikel ini termasuk dalam bidang penyelidikan saya. <i>This article is within my research interest.</i>

Bahagian C: Ulasan Penilai/ Referee's Comments

Sekiranya anda mempunyai sebarang ulasan terperinci, sila nyatakan di ruangan yang disediakan.

If you have any detailed comments to make beyond the score on the previous page please write them below.

1. Kesignifikanan permasalahan kajian / The significance of the research problem

- a. Adakah tajuk/ bidang yang dikaji dalam artikel ini dapat menangani permasalahan kajian dan mengisi jurang pengetahuan semasa?
Does the topic or area studied in this article address research problems and fill current knowledge gaps?
- b. Adakah artikel ini memberi sumbangan/ impak kepada bidang linguistik?
Does the paper make a useful impact to the linguistics field?

Ulasan penilai/ Reviewer comments:

2. Relevan tema dengan objektif / The relevance of themes to objectives.

- a. Adakah artikel ini memenuhi keperluan tema, jelas dan relevan dengan objektif dan persoalan kajian?
Does this article meet the requirements of the theme, clear and relevant to the research objectives and research questions?

Ulasan penilai/ Reviewer comments:

3. Kejelasan fokus tematik/ *Clarity of thematic focus*

- a. Adakah tema artikel ini ditakrifkan dengan baik, disampaikan secara konsisten dan meyakinkan serta berkaitan dengan persoalan kajian?

Is the theme of this article well discussed, presented consistently and convincingly, and connected to the research question?

Ulasan penilai/ *Reviewer comments:*

4. Hubungan kait dengan kosa ilmu/ *Relationship to literature*

- a. Adakah artikel ini mengulas kosa ilmu semasa dalam bidang kajian?

Does the article review the current literature in the field of study?

Ulasan penilai/ *Reviewer comments:*

5. Reka bentuk kajian dan data/ *Research Design and data*

- a. Adakah artikel ini mempersembahkan reka bentuk kajian yang jelas dan bukti yang mencukupi dalam menyokong kajian ini?

Does this paper demonstrate a clear research design and adequate use of evidence to support the research?

Ulasan penilai/ *Reviewer comments:*

6. Kegunaan teori/ *Use of theory*

- a. Adakah artikel ini memanfaatkan teori dengan berkesan?

Does the paper use theory in an effective manner?

- b. Adakah artikel ini telah membangunkan konsep-konsep teoretis?

Does it develop theoretical concepts?

Ulasan penilai/ *Reviewer comments*:

7. Analisis dan penggunaan data/ *Data analysis and use of data*

- a. Adakah data kualitatif / data kuantitatif digunakan dengan berkesan untuk mengutarakan tema yang dibincangkan dalam artikel ini?
Does the qualitative data/ quantitative data been used effectively to support the themes in this paper?

Ulasan penilai/ *Reviewer comments*:

8. Kualiti kritis / *Critical Qualities*

- a. Adakah artikel ini memaparkan penghujahan yang berkualiti dan kritis?
Does the paper demonstrate a quality and critical argument?

Ulasan penilai/ *Reviewer comments*:

9. Kualiti penulisan / *Writing quality*

- a. Adakah kualiti penulisan memenuhi piawaian yang diperlukan untuk ejaan, struktur tatabahasa dan penghujahan?
Does the writing quality meet the necessary standards for spelling, grammatical structure, and argumentation?

Ulasan penilai/ *Reviewer comments*:

10. Kesimpulan/ *Conclusions*

- a. Adakah kesimpulan artikel ini dinyatakan dengan jelas?
Does the conclusion of this paper clearly stated?

Ulasan penilai/ *Reviewer comments:*

5. Penulisan Rujukan Mengikut *APA 7th Edition*

5.0 Pengenalan *APA 7th Edition*

APA ialah gaya petikan yang dicipta oleh *American Psychological Association*, Amerika. *APA 7th Edition* memperkenalkan garis panduan yang dikemas kini untuk memetik sumber, pemformatan dan penulisan akademik. *APA 7th Edition* (2020) diterbitkan pada 11 Oktober 2019 menggantikan *APA 6th Edition* yang diterbitkan pada 2009.

Apabila bahan rujukan dalam talian menjadi semakin penting, dan banyak digunakan oleh para penyelidik dan pelajar, *APA 7th Edition* telah menangani perubahan ini dengan menyediakan garis panduan yang lebih baik dan lebih luas yang perlu kita ketahui.

5.1 Panduan Penulisan Rujukan Mengikut *APA 7th Edition*

Dalam penulisan artikel dan kertas penyelidikan, *APA 7th Edition* menyediakan dua jenis panduan penulisan rujukan yang perlu diketahui, iaitu

- a. Penulisan Sumber dalam Senarai Rujukan/Bibliografi
Senarai sumber dalam senarai Rujukan/Bibliografi di akhir artikel atau kertas penyelidikan adalah perlu merangkumi semua sumber yang anda telah rujuk dalam penulisan artikel dan kertas penyelidikan anda.
- b. Penulisan Petikan dalam Teks
Petikan yang rujuk dan nyatakan di dalam artikel dan kertas penyelidikan anda.

5.2. Buku bercetak atau ebook

a. Seorang Pengarang

Nama Pengarang, (Tahun Penerbitan). *Tajuk buku* : Sari kata jika diberi. Nama Penerbit.

Format <i>APA 7th Edition</i>	Contoh
Dalam Senarai Rujukan/Bibliografi	Alexander, R. (2010). <i>Framing discourse on the environment: A critical discourse approach</i> . Routledge. Awang Sariyan. (2007). <i>Santun Berbahasa</i> . Dewan Bahasa dan Pustaka. Idris Aman. (2006). <i>Bahasa dan kepimpinan: Analisis wacana Mahathir Mohamad</i> . Dewan Bahasa dan

	Pustaka. Leavy, P. (2014). <i>The Oxford handbook of qualitative research</i>. Oxford University Press.
Dalam teks	(Alexander, 2010) (Awang Sariyan, 2007) (Idris Aman, 2006) (Leavy, 2014)

b. Dua pengarang

Nama Pengarang 1 & Pengarang 2, (Tahun Penerbitan). *Tajuk buku : Sari kata jika diberi*. Nama Penerbit.

Format APA 7th Edition	Contoh
Dalam Senarai Rujukan/Bibliografi	Page, J. T., & Parnell, L. J. (2019). <i>Introduction to strategic public relations: Digital, global, and socially responsible communication</i>. Sage Nida, E. A., & Taber, C. R. (1969). <i>The Theory and Practice of Translation</i>. E. J. Brill. Hatim, B., & Mason, I. (1990). <i>Discourse and the Translator</i>. Longman. Gabrielsen, J. & Christiansen, T. J. (2010). <i>The Power of Speech</i>. Gyldendal.
Dalam teks	(Page & Parnell, 2019) Nida & Taber, 1969) Hatim, & Mason, 1990) Gabrielsen & Christiansen, 2010)

5.2.1 Buku dengan editor

Editor, A. A. (Ed.). (Tahun Penerbitan). *Tajuk buku: Sari kata jika diberi*. Nama Penerbit

Format APA 7th Edition	Contoh
Dalam Senarai Rujukan/Bibliografi	Buckingham, D., & Willett, R. (Eds.). (2013). <i>Digital generations: Children, young people, and the new media</i>. Routledge Carlsten, J. M., & McGarry, F. (Eds.). (2015). <i>Film, history, and memory</i>. Palgrave Macmillan. Locher, M., & Bousfield, B. (Eds.). (2008). <i>Impoliteness in language: Studies on its interplay with power in theory and practice</i>. Mouton de Gruyter. Hamilton, L., & Ravenscroft, J. (Eds.). (2018). <i>Building research design in education: Theoretically informed advanced methods</i>. Bloomsbury Academic
Dalam teks	(Buckingham & Willett, 2013) (Carlsten & McGarry, 2015) (Locher & Bousfield, 2008) (Hamilton, L., & Ravenscroft, J. 2018)

5.2.2 Buku: edisi selain edisi yang pertama

Pengarang, A. A. (Tahun Penerbitan). *Tajuk buku: Sari kata jika diberi (Edisi)*. Nama Penerbit.

Format APA 7th Edition	Contoh
Dalam Senarai Rujukan/Bibliografi	Brooks, N. (1964). <i>Language and language learning: theory and practice</i>. (2nd ed.). Harcourt, Brace, and World. Efron, S. E., & Ravid, R. (2020). <i>Action research in education: A practical guide</i> (2nd ed.). The Guilford Press. Sperber, D., & Wilson, D. (1995). <i>Relevance. Communication and cognition</i>. (2nd ed.). Blackwell Publishers. Zemke, R., Raines, C., & Filipczak, B. (2013). <i>Generations at work</i> (2nd ed.). AMACOM.

Dalam teks	(Brooks, 1964) (Efron & Ravid, 2020) (Sperber & Wilson, 1995) (Zemke, Raines & Filipczak, 2013)
-------------------	--

5.3 Bab dalam Buku (Bab, Cerpen, Esei, atau Artikel daripada Buku)

Pengarang Bab, A. A. (Tahun Penerbitan). Tajuk bab. Dalam B. B. Editor & C. C. Editor (Eds.), *Tajuk buku (ms. halaman bahagian)*. Penerbit.

Format APA 7th Edition	Contoh
Dalam Senarai Rujukan/Bibliografi	Grice, H.P. (1975). Logic and conversations. In Cole, P. & Morgan (Eds.), <i>Syntax and semantic : Speech act</i> . (pp. 41-58). Academic Press. Kempson, R. (1991). On the grammar-cognition interface: The principle of full interpretation. In R. Kempson (Eds.), <i>Mental representations: The interface between language and reality</i> (pp. 199-224). Cambridge University Press. van Vugt, M. K. (2015). Cognitive benefits of mindfulness meditation. In K. W. Brown, R. M. Ryan, & J. D. Creswell (Eds.), <i>Handbook of mindfulness: Theory, research, and practice</i> (pp. 190-207). Guilford Press. Martin, A. (2006). Literacies for the digital age. In A. Martin & D. Madigan (Eds.), <i>Digital literacies for learning</i> (pp. 3-25). Facet.
Dalam teks	(Grice, 1975) (Kempson, 1991) (van Vugt, 2015) Martin, 2006)

5.4 Artikel Jurnal

5.4.1 Artikel jurnal dengan DOI/ Journal article with a DOI

Nama Akhir, Huruf Nama Awal. Huruf Nama Kedua. (Tahun). Tajuk artikel. *Nama Jurnal*, Nombor Jilid(Nombor Keluaran), nombor halaman. DOI

Format APA 7th Edition	Contoh
Dalam Senarai Rujukan/Bibliografi	Schuler, A. R., & Pearson, H. C. (2019). Conservation benefits of whale watching in Juneau, Alaska. <i>Tourism in Marine Environments</i>, 14(4), 231–248. https://doi.org/10.3727/154427319X15719404264632 Nguyen, T., Carnevale, J. J., Scholer, A. A., Miele, D. B., & Fujita, K. (2019). Metamotivational knowledge of the role of high-level and low-level construal in goal-relevant task performance. <i>Journal of Personality and Social Psychology</i>, 117(5), 879-899. http://dx.doi.org/10.1037/pspa0000166 Dilkes-Frayne, E., Savic, M., Carter, A., Kokanović, R., & Lubman, D. I. (2019). Going online: The affordances of online counseling for families affected by alcohol and other drug issues. <i>Qualitative Health Research</i>, 29(14), 2010-2022. https://doi.org/10.1177/1049732319838231
Dalam teks	(Schuler & Pearson, 2019) (Nguyen, T., et al., 2019). (Dilkes-Frayne, E., et al., 2019).

5.4.2 Artikel jurnal tanpa DOI

Nama Akhir, Huruf Nama Awal. Huruf Nama Kedua. (Tahun). Tajuk artikel. *Nama Jurnal*, Nombor Jilid(Nombor Keluaran), nombor halaman.

Format APA 7th Edition	Contoh
Dalam Senarai Rujukan/Bibliografi	Vasara, P., Pongpiriyakan, P., Nyman, T., Lehtinen, H., Aktüre, I.-N., & Laukkanen, O. (2019). Curing our addiction to fossil and nonbiodegradable plastics: Steps ahead. <i>BioResources</i>, 14(2), 2458–2459.

	Maulana Al-Fin Che Man & Nor Hashimah Jalaluddin. (2022). Metafora Objek Galah dan Kemudi dalam Pantun Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. <i>Jurnal Linguistik</i>, 26(1), 58-74. Muhamad Asytar Mohamad Noor Ropiah, Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Nur Faqihah Hanim Muhamed Sanari & Nur Anis Syafiq Zulkefli. (2023). Struktur Sintaksis Kala pada Frasa Kerja Bahasa Bateq. <i>Jurnal Linguistik</i>, 27(1), 61-79.
Dalam teks	(Vasara et. al., 2019) (Maulana Al-Fin Che Man & Nor Hashimah Jalaluddin, 2022). (Muhamad Asytar et al., 2023).

5.5 Artikel Akhbar

5.5.1 Artikel akhbar dalam cetakan

